

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025
PERINGKAT ZON TENGAH**

**CASA LAGENDA CONVENTION CENTER, SEREMBAN
25 FEBRUARI 2025**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdullilah, segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada petang ini sempena perasmian Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Zon Tengah.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pembangunan Wanita atas pengajuran sambutan ini.

LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA (SHWA)

Hadirin yang saya muliakan,

3. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa mempunyai sejarah yang panjang bermula pada tahun 1908 apabila wanita yang ditindas di tempat kerja berhimpun beramai-ramai untuk mogok di Bandaraya New York.

4. Sebagai memperingati keberanian wanita-wanita tersebut, pada tahun 1909, Sambutan Hari Wanita telah diadakan di Amerika Syarikat. Sejak itu, sambutan untuk memperingati jasa serta perjuangan wanita mulai diadakan di pelbagai negara.
5. Untuk menjadikan sambutan ini bersifat universal, maka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menganjurkan **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang pertama pada tahun 1975**. Ini bermakna sambutan tahun ini merupakan **sambutan kali ke-50** dan Alhamdulillah perjuangan yang panjang ini menampakkan perkembangan dan perubahan yang positif kepada kedudukan wanita.
6. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan antarabangsa dengan menganjurkan **Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac setiap tahun**. Sambutan ini adalah sebagai simbolik penghargaan kepada wanita tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi ataupun politik.

TEMA SHWA 2025

7. Setiap tahun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mempromosi satu logo dan tema sambutan dan untuk tahun 2025, tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa ialah "**WANITA BERASPIRASI MEMBINA LEGASI**".
8. Tema ini merujuk kepada **semangat wanita untuk mencapai Impian dan matlamat yang besar dalam kehidupan. Tema ini juga mengangkat usaha wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan.**
9. Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025, Kementerian Pembangunan Wanita telah merancang dan menganjurkan pelbagai program sepanjang bulan Februari dan Mac sebelum acara kemuncak pada 8 Mac 2025 nanti.

SUMBANGAN WANITA

Hadirin yang saya muliakan,

10. Pada zaman pra dan pasca kemerdekaan, wanita banyak terlibat dalam industri tradisional dan kemudiannya kita menyaksikan bahawa Wanita turut menyumbang dalam usaha membawa negara ke arah pembangunan moden. Sumbangan wanita dalam sektor pertanian, tenunan, perlombongan, perladangan, kraftangan, keusahawanan dan banyak lagi berperanan dalam meningkatkan pendapatan negara dan membantu Malaysia menjadi sebuah negara yang maju.

11. Tidak ketinggalan, wanita-wanita hebat yang menjadi suri rumah juga turut memainkan peranan yang penting kerana mereka telah mengorbankan diri serta kepentingan mereka untuk mendidik dan menjaga anak-anak serta keluarga dan seterusnya melahirkan generasi yang sejahtera.

12. Dalam konteks era moden pula, sumbangan wanita boleh dilihat dalam pelbagai sektor seperti penggubal dasar, sebagai pendidik, sebagai Lembaga Pengarah di syarikat swasta, dalam industri perkilangan dan juga usahawan-usahawan yang membantu untuk memacu ekonomi negara.
13. Malaysia tidak akan maju tanpa peranan dan sumbangan wanita kerana mereka ini bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan keluarga tetapi juga menjana pendapatan negara dengan menjadi tenaga buruh yang aktif dan produktif.

PEMBERDAYAAN DAN PELUANG

Hadirin yang saya muliakan,

14. Potensi dan kewibawaan wanita telah dapat dilihat semasa Pandemik *Covid-19*. Kaum hawa sangat inovatif dan boleh berubah mengikut keadaan semasa untuk memastikan survival kehidupan diri dan keluarga sentiasa dijaga. Pandemik *Covid-19* telah menyaksikan

keupayaan wanita untuk beradaptasi mengikut keadaan dan menggunakan peluang untuk mempelajari dan menceburi bidang baharu khususnya perniagaan secara atas talian. Banyak usahawan baru telah muncul dan ada dalam kalangan mereka yang telah berjaya menjadikan perniagaan atas talian ini sebagai satu kerjaya yang menyumbang kepada pendapatan utama keluarga.

15. Inovatif, kreatif, beradaptasi, multi-tasking, tabah, kepimpinan, empati adalah antara sifat yang telah membolehkan wanita terus cemerlang dan mencapai segala impian yang diinginkannya.
16. **Malala Yousafzi**, seorang aktivitis dan pemenang anugerah Nobel dari Pakistan pernah mengeluarkan kenyataan yang berbunyi “***There are two powers in the world, one is the sword and the other is the pen. There is a third power stronger than both, that of women***”.

KESAKSAMAAN GENDER

Hadirin yang saya muliakan,

17. Pemerksaan wanita akan terus diperjuangkan oleh KPWKM mengikut lunas-lunas perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kesaksamaan Gender merupakan satu lagi isu yang sering diperkatakan. Kesaksamaan gender merujuk kepada konsep pemberian hak dan peluang yang sama kepada semua tanpa sebarang diskriminasi. Malaysia telah menunjukkan komitmen dengan meratifikasi Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW dengan beberapa pengecualian yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perundangan Islam.

18. Kesaksamaan Gender tidak bermaksud semua hak dan peluang kaum lelaki akan diambil oleh wanita tetapi kedua-dua kaum lelaki dan wanita berkongsi peluang tanpa adanya diskriminasi perbezaan gender. Perkongsian ini hanya akan menguntungkan negara kerana dapat mengguna pakai sumber tenaga manusia secara optimum.

19. Wanita sentiasa menjadi tulang belakang institusi keluarga, komuniti dan negara. Dari dahulu sehingga kini, wanita bukan sahaja telah melakar sejarah, tetapi juga memberi inspirasi untuk perubahan masa depan.
20. Namun, wanita masih lagi menghadapi pelbagai halangan dan rintangan dalam banyak aspek kehidupan sama ada di tempat kerja, di rumah atau dalam masyarakat secara umum. Kita masih melihat jurang dalam gaji, kekurangan wakil rakyat dalam jawatan kepimpinan serta perjuangan berterusan melawan keganasan dan diskriminasi.
21. Bersempena dengan sambutan ini, saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama dengan Kementeria ini untuk memastikan **suara wanita sentiasa didengari, hak mereka dihormati dan potensi mereka direalisasi.**
22. Wanita mempunyai keupayaan yang luar biasa. Dari pemimpin sehingga suri rumah tangga, wanita mengimbangi pelbagai peranan tanpa pernah mengorbankan kekuatan dan keupayaan mereka.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan,

23. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Zon Tengah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran sambutan ini.

Akhirul kalam, dengan lafaz suci Bismillahir rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Zon Tengah.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI DR NORAINI BINTI AHMAD

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

24 Februari 2025